



22 MAY, 2023

## FAMA sasar buka 14 pasar tani baharu tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA sasar buka 14 pasar tani baharu tahun ini

**KUALA TERENGGANU:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk membuka 14 lokasi pasar tani baharu di seluruh negara tahun ini.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA Abdul Rashid Bahri berkata setakat ini lima pasar tani baharu telah dibuka kepada orang ramai selepas kajian daripada semua aspek dijalankan.

“Sebelum membuka satu-satu outlet baharu, FAMA akan buat kajian pasaran yang mengambil kira faktor kepadatan penduduk, bilangan pasar raya berhampiran, kuasa beli penduduk dan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).”

“Selain itu ia juga ber-



**BANTUAN:** Abdul Rashid (dua kiri) bertanyakan sesuatu kepada usahawan FAMA pada Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan Pemasaran Usahawan Negeri Terengganu di Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu, semalam. — Gambar Bernama

gantung kepada bajet dan kesesuaian tapak untuk pembukaan outlet untuk program pemasaran. Setakat

ini terdapat 250 pasar tani di seluruh negara,” katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Peralatan Sokongan

Pemasaran usahawan Negeri Terengganu di Pejabat FAMA Terengganu di sini, semalam.

Seramai 12 usahawan menerima sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuk Geran Agropreneur Muda dan peralatan mesin yang berjumlah RM200,000.

Dalam pada itu Abdul Rashid berkata FAMA juga sentiasa memberi ruang kepada usahawan atau petani memasarkan produk mereka di fasiliti milik agensi berkenaan.

Menurut beliau FAMA mempunyai pelbagai kaedah pemasaran termasuk outlet, pasar tani, pasar tani kekal, Agro Bazar Online dan rakan pemasaran strategik lain yang efektif dan boleh disesuaikan

dengan apa juga bentuk perniagaan.

“Peluang untuk petani atau usahawan memasarkan produk mereka memang sentiasa kita buka. Tak kiralah musim panas ke... hujan atau apa-apa musim.

“(Petani atau usahawan) boleh datang jumpa dan kami akan nasihatkan apa program pemasaran sesuai buat mereka,” katanya pada program yang turut dihadiri Pengarah FAMA Terengganu Nukman Hashim.

Selain itu katanya para petani atau usahawan juga boleh menggunakan perkhidmatan bilik sejuk FAMA di 40 pusat operasi untuk tujuan penyimpanan produk berlebihan pada kadar sewa yang berpatutan. — Bernama



22 MAY, 2023

## FAMA sasar buka 14 pasar tani baharu tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA TERENGGANU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk membuka 14 lokasi pasar tani baharu di seluruh negara tahun ini. Pemangku Ketua Pengarah FAMA Abdul Rashid Bahri berkata setakat ini lima pasar tani baharu telah dibuka kepada orang ramai selepas kajian daripada semua aspek dijalankan."Sebelum membuka satu outlet baharu, FAMA akan buat kajian pasaran yang mengambil kira faktor kepadatan penduduk, bilangan pasar raya berhampiran, kuasa beli penduduk dan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).